NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 54** **29hb April 2010** **No. 9**

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(Akta 133)

## STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
(Act 133)

**No. 236.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 1(6)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 1(6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(6) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri meluaskan pemakaian semua peruntukan Akta ini, kecuali subseksyen 72(2) dan 72(3) dan semua undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya kepada kawasan tebus guna yang termasuk d dalam daerah pentadbiran Seksyen 1, Bandar Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan Bandar Tanjong Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual berkuat kuasa mulai 6 Jun 2007.

Pembatalan

2. Pemberitahuan di bawah subseksyen 1(6) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan No. 602 bertarikh 10 September 2009 dibatalkan.

In exercise of the powers conferred by subsection 1(6) of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the State Authority extend the application of this Act and all by-laws made under this Act except subsections 72(2) and 72(3) to the reclaimed area comprised in the administrative district of Section 1, Bandar Tanjong Tokong, North East District, Penang and Bandar Tanjong Pinang, North East District, Penang as shown in the Schedule with effect from 6 June 2007.

Revocation

2. The notification under subsection 1(6) Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], published in Government *Gazette* No. 602 dated 10 September 2009 is revoked.

JADUAL/*SCHEDULE*




Bertarikh 2 April 2010
Dated 2 April 2010
[JU/P/WK-1 (Jld. 2): PSUK/Pulau Pinang; PUNPP.152.100-1/1/14]

NG WEE KOK
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Pulau Pinang/*
*Secretary of*
*State Executive Council*
*Penang*

**No. 237.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 1(6)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 1(6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(6) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri meluaskan pemakaian Akta ini dan semua undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya kecuali subseksyen 72(2) dan 72(3) kepada kawasan tebus guna yang termasuk di dalam daerah pentadbiran Seksyen 11E, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut, sebahagian Seksyen 9W, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut dan Seksyen 8, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1, II dan III berkuat kuasa mulai 6 Jun 2007.

Pembatalan

2. Pemberitahuan di bawah subseksyen 1(6) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan No. 602 bertarikh 10 September 2009 dibatalkan.

In exercise of the powers conferred by subsection 1(6) of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the State Authority extend the application of this Act and all by-laws made under this Act, except subsections 72(2) and 72(3) to the reclaimed area comprised in the administrative district of Section 11E, Bandar Georgetown, North East District, part of Section 9W, Bandar Georgetown, North East District, and Section 8, Bandar Georgetown, North East District, Penang as shown in the Schedule 1, II and III with effect from 6 June 2007.

Revocation

2. The notification under subsection 1(6) Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], published in Government *Gazette* No. 602 dated 10 September 2009 is revoked.

JADUAL I/*SCHEDULE I*



JADUAL II/*SCHEDULE II*



JADUAL III/*SCHEDULE III*




Bertarikh 2 April 2010

Dated 2 April 2010

[JU/P/WK-1 (Jld. 2): PSUK/Pulau Pinang; PUNPP.152.100-1/1/14]

NG WEE KOK

*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Pulau Pinang/*
*Secretary of*
*State Executive Council*
*Penang*

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984
(Act 313)

**No. 238.**

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 3

APPOINTMENT UNDER SECTION 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority of Penang has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the posts as specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/*SCHEDULE*

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| Wan Yusof bin Haji Wan Karim | Penolong Pengarah Perhutanan Negeri *Assitant State Director Forestry* | 15-8-2007 |
| Abd Basir bin Hasan | Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri (P) *Deputy State Director of Forestry (P)* | 2-11-2009 |
| Mohamad Roslan bin Abd Rahman | Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri (O) *Deputy State Director of Forestry (O)* | 2-11-2009 |
| Mariatul Qiptiyah binti Md Sah | Penolong Pegawai Penyiasat Kanan *Senior Assistant of Investigator Officer* | 2-11-2009 |

2. Pembatalan Pelantikan

Pelantikan pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual yang memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam ruang (3) adalah dibatalkan.

2. Revocation of Appointment

The appointments of the officers named in column (1) of the Schedule who hold the office specified in column (2) as published in the *Gazette* of the State of Penang specified in column (3) is revoked.

JADUAL/*SCHEDULE*

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| Foong Lai Hoy | Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri *Deputy State Director of Forestry* | *Warta* No. 193 Bertarikh 17-6-2004 |
| Zulhimi bin Mohd Radzi | Penolong Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang *Assistant State Director of Forestry* | *Warta* No. 252 Bertarikh 29-7-2004 |

Bertarikh 9 April 2010
Dated 9 April 2010
[PSUKPP/(R)/01/1011/7; PUNPP(R) 152.100.31/1/28]

NG WEE KOK
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Pulau Pinang/*
*Clerk of*
*State Executive Council*
*Penang*

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 239.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

## FATWA MENGENAI AJARAN TOK HUSIN JANGGUT/ ILMU TAJALLI AHMAD LAKSAMANA

Bahawa Ajaran Tok Husin Janggut/Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut dan orang Islam yang mengamalkannya boleh dikenakan tindakan undang-undang. Di antara ciri-ciri ajaran ini ialah:

(i) Tidak mengamalkan Syariat Islam seperti sembahyang, puasa mengeluarkan zakat dan lain-lain;

(ii) Merasakan dirinya telah mencapai martabat atau darjat "ilmu hakikat" iaitu suatu tahap di mana diri telah menjadi suci dan tidak perlu lagi melakukan ibadah sembahyang.

(iii) Berpegang dan menjadikan kitab الدر النفيس (*ad Dur an Nafis*) sebagai rujukan utama (buku ini dari sudut akidah telah menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan telah diwartakan haram oleh JAKIM kerana berpegang dengan ajaran *Wahdatul Wujud)* dan juga kitab شرح أصول التحقيق *(Syarh Usul al Tahqiq)* sebagai kitab rujukan kedua;

(iv) Mengatakan dirinya tuhan seperti pengakuan yang dibuat olehnya di dalam sesi soal siasat bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Mufti, seperti "Yang dok bercakap ni lah tuhan/Allah......";

(v) Berpegang kepada konsep لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم iaitu manusia tiada daya upaya untuk bergerak hatta walaupun untuk pergi membuang air besar. Semuanya berlaku adalah kerana wujudnya Allah dalam diri manusia sehinggakan di dalam diri binatang sekalipun;

(vi) Mengaku dirinya sudah tidak mempunyai iman/tidak beriman;

(vii) Berpegang kepada konsep Wahdatul Wujud iaitu menyamakan sifat dan zat Allah dengan benda baru atau makhluk ciptaan-Nya sedangkan Allah bersifat dengan ليس كمثله شئ ;

(viii) Manusia tidak boleh menyebut kalimah Allah kerana sekiranya disebut akan menjadi syirik; dan

(ix) Mempersoalkan kalimah "Allah" sama ada Ia disembah pada namanya "Allah" atau pada hurufnya "alif lam lam ha".

Bertarikh 7 Januari 2010
[JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2]

DATUK HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri*
*Pulau Pinang*

## اينكمن ڤنتدبيرن اكام اسلام
## ( نكري ڤولاو ڤينڠ) 2004

## فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيكشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اكام اسلام (نكري ڤولاو ڤينڠ) 2004، مفتي نكري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اكوڠ ممبوات فتوى سفرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

## جدوال

## فتوى مڠناءي اجرن توق حسين جڠكوت/ علم تجلي أحمد لقسامان

بهاوا اجرن توق حسين جڠكوت/ علم تجلي أحمد لقسامان درداڤتي مڽليويڠ درڤد اجرن إسلام يڠ سبنر. اوليه يڠ دمكين اورڠ إسلام اداله دلارڠ مڠعملكن اجرن ترسبوت دان اورڠ إسلام يڠ مڠعملكن بوليه دكناكن تيندقن اونداڠ- اونداڠ. دأنتارا چيري- چيري اجرن اين اياله:-

i. تيدق مڠعملكن شريعة إسلام سفرتي سمبهيڠ، ڤواسا، مڠلواركن زكاة دان لاءين – لاءين؛

ii. مراساكن ديرين تله منچاڤاي مرتبة اتاو درجة "علمو حقيقة" اتاو سواتو تاهڤ د مان ديري تله منجادي سوچي دان تيدق ڤرلو لاكي ملاكوكن عبادة سمبهيڠ؛

iii. برڤڬڠ دان منجاديكن كتاب "الدر النفيس" سباكاي روجوعكن اوتام ( بوكو اين داري سودوت عقيدة تله مڽليويڠ داري ڤڬاڠن أهلي سنة والجماعة دان تله

ورتاكن حرام اوليه جاكيم كران برڤكڠ دڠن اجرن وحدة الوجود ) دان جوک كتاب " شرح أصول التحقيق " سباڬاي كتاب روجوعكن كدوا ؛

iv. مڠاتاكن ديرين توهن سفرتي ڤڠاكوان يڠ دبوات اوليهن ددالم سيسي سوأل – سياست برسام جابتن حال احوال أكام إسلام دان جابتن مفتي، سفرتي : " يڠ دوق برچاكڤ ني له توهن / الله..."؛

v. برڤكڠ كفد كونسيف لا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم يائيت مائنسي تياد داي أوڤاي اونتوق بركرق حتى والاوڤون اونتوق ڤركي ممبواڠ أير بسر سكاليڤون. سمواڽ برلاکو أداله كران وجودڽ الله دالم ديري مائنسي سهيڠڬاكن ددالم ديري بناتڠ سكاليڤون؛

vi. مڠاكوءي ديرين سوده تيدق ممڤوڽاءي إيمان / تيدق برإيمان؛

vii. برڤكڠ كفد كونسيف وحدة الوجود يائيت مياماكن صفة دان ذات الله دڠن بندا بارو اتاو مخلوق چيڤتاءنڽ سدڠكن الله برصفة دڠن" ليس كمثله شيء"؛

viii. مائنسي تيدق بوليه ميبوت كلمة الله كران سكيراڽ دسبوت اكن منجادي شيريك؛ دان

ix. ممڤرسوءالكن كلمة "الله" سما ادا اي دسمبه ڤد ناماڽ " الله " اتاو ڤد حروف " ا ل ل ه " .

برتاريخ 7 جانواري 2010

[JMNPP / (S) /19/1/1101/001 ( 16) ; PUNPP. 152. 100.1/2/2 Jld. 2]

داتؤ حاج حسن بن حاج أحمد

مفتي كراجأن نكري ڤولاو ڤينڠ

**No. 240.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI KALIMAH-KALIMAH SUCI YANG KHUSUS BAGI AGAMA-AGAMA ISLAM DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM

1. Bahawa kalimah-kalimah yang berkaitan dengan kesucian agama Islam adalah khusus bagi agama dan orang Islam sahaja. Oleh itu ia tidak boleh diguna atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam.

2. Orang Islam perlu peka dan bertanggungjawab dalam isu ini. Sikap membenarkan sesiapa sahaja menggunakan kalimah-kalimah tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa Islam meraikan agama lain hanya akan mendatangkan mudharat yang besar kepada agama dan orang Islam.

3. Oleh itu orang Islam wajib menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan dan penyalahgunaan terhadap kalimah-kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub.

4. Kalimah-kalimah tersebut ialah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Allah | 21. | Imam |
| 2. | Firman Allah | 22. | Nabi |
| 3. | Ulama’ | 23. | Sheikh |
| 4. | Hadith | 24. | Khutbah |
| 5. | Ibadah | 25. | Tabligh |
| 6. | Kaabah | 26. | Akhirat |
| 7. | Qadhi | 27. | Azan |
| 8. | Ilahi | 28. | Al Quran |
| 9. | Wahyu | 29. | As Sunnah |
| 10. | Mubaligh | 30. | Auliya’ |
| 11. | Syariah | 31. | Karamah |
| 12. | Qiblat | 32. | Syahadah |
| 13. | Haji | 33. | Masjid |
| 14. | Mufti | 34. | Baitullah |
| 15. | Rasul | 35. | Surau |
| 16. | Iman | 36. | Musolla |
| 17. | Dakwah | 37. | Zakat Fitrah |
| 18. | Solat | 38. | Hajjah |
| 19. | Wali | 39. | Taqwa |
| 20. | Fatwa | 40. | Soleh |

5. Oleh itu, mana-mana orang bukan Islam yang menulis atau menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah lain yang boleh membawa kepada menghina kesucian agama Islam adalah salah dan dilarang serta menjadi satu kesalahan.

Bertarikh 7 Januari 2010
[JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2(1) Jld. 2]

DATUK HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri*
*Pulau Pinang*

**اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام**
**( نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004**

**فتوى دباوه سيکشن 48**

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيکشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام ( نݢري ڤولاو ڤينڠ ) 2004، مفتي نݢري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤرکنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

**جدوال**

**فتوى مڠناءي كلمة- كلمة سوچي يڠ خصوص باݢي اݢام اسلام دان تيدق بوليه دݢوناكن اݢام- اݢام بوكن اسلام**

1. بهاوا كلمة- كلمة يڠ بركاءيتن دڠن كسوچين اݢام اسلام اداله خصوص باݢي اݢام دان اورڠ اسلام سهاج. اوليه ايت اي تيدق بوليه دݢونا اتاو دسامكن دڠن اݢام-اݢام بوكن اسلام.

2. اورڠ اسلام ڤرلو ڤيكا دان برتڠݢوڠجواب دالم ايسو اين. سيکڤ ممبنركن سسياڤا سهاج مڠݢوناكن كلمة-كلمة ترسبوت سمات-مات اونتوق منوڠجوقكن بهاوا اسلام مراعيكن اݢام لاءين هاڽ اكن منداتڠكن مضرة يڠ بسر كڤد اݢام دان اورڠ اسلام.

3. اوليه ايت اورڠ اسلام واجب منجاڬن دڠن چارا يڠ ترباءيق دان سکيراڽ ترداڤت عنصور-عنصور ڤڠهينأن دان ڤيلهكوتأن ترهادڤ كلمة-كلمة ترسبوت، مكا اي ڤرلو دسكت مڠيكوت ڤرونتوكن اوندڠ-اوندڠ يڠ تله ترمكتوب.

4. كلمة-كلمة ترسبوت اياله سڤرتي يڠ بريكوت:

1. الله
2. فرمان الله
3. علماء
4. حديث
5. عبادة
6. كعبة
7. قاضي
8. الهي
9. وحي
10. مبلغ
11. شريعة
12. قبلة
13. حاج
14. مفتي
15. رسول
16. ايمان
17. دعوة
18. صلاة
19. والي
20. فتوى
21. إمام
22. نبي
23. شيخ
24. خطبة
25. تبليغ
26. اخيرة
27. اذان
28. القرآن
29. السنة
30. أولياء
31. كرامة
32. شهادة
33. مسجد
34. بيت الله
35. سوراو
36. مصلى
37. زكاة فطرة
38. حاجه
39. تقوى
40. صالح

5. اوليه ايت، مان- مان اورڠ بوکن إسلام يڠ منوليس اتاو منربيتکن اڤ- اڤ بنتوق، ڤرسي اتاو ڤارياسين اتاو اڤ- اڤ ترجمهنن دالم اڤ- اڤ بهاس اتاو اڤ- اڤ بهان ڤبليسيتي اتاو اڤ- اڤ بهان سما ادا بهان چيتق اتاو ايليکترونيك اتاو سلاٴينڽ اتاو ملالوٴي اڤ- اڤ ميديا اتاو اڤ- اڤ قاعدة لاٴين يڠ بوليه ممباوا کڤد مڠهينا کسوچين اکام إسلام اداله ساله دان دلاراڠ سرتا منجادى ساتو کسالهن.

برتاريخ 7 جانواري 2010

[JMNPP / (S) / 19 / 1101 / 001 (16); PUNPP.152.100.1/2/2 Jld.2]

داتؤ حاج حسن بن حاج أحمد
مفتي کراجأن نکري ڤولاو ڤينڠ

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

**No. 241.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini menjadi tanah rizab bagi maksud awam iaitu sebagai Tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembentungan dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai Pegawai Pengawal dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai agensi penyelenggara tanah rizab tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection (1) of section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority of Penang hereby reserves the land described in the Schedule here to be reserved land for public purposes, to wit, a site for sewage treatment plant and has designated Federal Land Commissioner to have the control and The National Water Commission to maintain the said reserved land.

JADUAL/*SCHEDULE*

Daerah/*District*—Seberang Perai Tengah. Mukim/*Mukim*—6. No. Lot/*Lot No.*—002067. No. Pelan Akui/*Certified Plan No.*—P.A. 07-013109. Luas/*Area*—1,195 meter persegi/*square metres.*

Bertarikh 31 Mac 2010

Dated 31 March 2010
[PTG/PS/SPT/174; PTBM/C/172; PUPP 118-84]

NG WEE KOK
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Pulau Pinang/*
*Secretary of*
*State Executive Council*
*Penang*

**No. 242.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Lin, Chen-Tung (Taiwan Pasport No. M 3958721) yang beralamat di 42-17-19, Jalan Van Praagh, 11600 Pulau Pinang, tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1 Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/di Tingkat 3, Komtar, Pulau Pinang segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Perihal dan No. Hakmilik—Geran 35862. No. Lot—215, Seksyen 14, Georgetown, Daerah Timur Laut. Sewa Tahun ini—RM453.00. Tunggakan dari Tahun-tahun yang Lepas—RM5,889.00. Fee-fee, dan lain-lain, yang dikenakan sebagai sewa—Denda Notis RM50.00, Denda Lewat RM7,450.00. Tunggakan Fee/Fee-fee—RM13,842.00. Jumlah Kena Dibayar—RM13,842.00.

Bertarikh 9 November 2009
[PTTL/PP/UH/11(1) 7/2009]

AZIZI BIN ZAKARIA
*Pentadbir Tanah*
*Timur Laut*
*Pulau Pinang*

**No. 243.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—3, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—2139. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 990. Luas—8726.0203 meter persegi. No. Piawai—5-B-I.

Bertarikh 17 Mac 2010
[PTSPU(D) 10/2010]

MOHD ARIFF BIN HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah*
*Seberang Perai Utara*
*Pulau Pinang*

**No. 244.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—3, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—2162. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1754. Luas—13784.5828 meter persegi. No. Piawai—5-B-I.

Bertarikh 17 Mac 2010
[PTSPU(D) 8/2010]

MOHD ARIFF BIN HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah*
*Seberang Perai Utara*
*Pulau Pinang*

**No. 245.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—3, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—2172. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1763. Luas—3566.2866 meter persegi. No. Piawai—5-B-I.

Bertarikh 17 Mac 2010
[PTSPU(D) 9/2010]

MOHD ARIFF BIN HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah*
*Seberang Perai Utara*
*Pulau Pinang*

**No. 246.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—8, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—5374. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2570. Luas—112 meter persegi. No. Piawai—5-D-IV.

Bertarikh 17 Mac 2010
[PTSPU(D) 7/2010]

MOHD ARIFF BIN HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah*
*Seberang Perai Utara*
*Pulau Pinang*

**No. 247.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—11, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—4869. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 45640. Luas—74.0 meter persegi.

Bertarikh 26 Mac 2010
[PTG/PP/76 Jld. 55(18)]

HAJAH SAODAH BINTI NAWAWI
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah*
*Pulau Pinang*

**No. 248.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Ayer Itam, Seksyen 4, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—426. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 3153. Luas—412.476 meter persegi.

Bertarikh 25 Mac 2010
[PTG/PP/76 Jld. 55(17)]

HAJAH SAODAH BINTI NAWAWI
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah*
*Pulau Pinang*

**No. 249.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Mukim—12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. No. Lot—10750. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 68816. Luas—193.0 meter persegi.

Bertarikh 23 Mac 2010
[PTG/PP/76 Jld. 55(15)]

HAJAH SAODAH BINTI NAWAWI
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah*
*Pulau Pinang*

**No. 250.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Mukim—J, Daerah Barat Daya. No. Lot—501. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 326. Luas—4046 meter persegi.

Bertarikh 12 April 2010
[PTBD/P/46 Jld. 6(21)]

MOHD MURSYID BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah*
*Daerah Barat Daya*
*Pulau Pinang*

**No. 251.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—11, Daerah Barat Daya. No. Lot—799. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 96. Luas—5625.1215 meter persegi.

Bertarikh 12 April 2010
[PTBD/P/46 Jld. 6(22)]

MOHD MURSYID BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah*
*Daerah Barat Daya*
*Pulau Pinang*

**No. 252.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Bukit Mertajam, Seksyen 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—1610. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 30S4. Luas—171.7721 meter persegi.

Bertarikh 25 Mac 2010
[PTG/PP/76/Jld. 55(14)]

HAJAH SAODAH BINTI NAWAWI
*b.p Pendaftar Hakmilik Tanah*
*Pulau Pinang*

**No. 253.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—14, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—3952. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 1585. Luas—102.0 meter persegi.

Bertarikh 25 Mac 2010
[PTG/PP/76/Jld. 55(16)]

HAJAH SAODAH BINTI NAWAWI
*b.p Pendaftar Hakmilik Tanah*
*Pulau Pinang*

**No. 254.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—9, Seberang Perai Tengah. No. Lot—645. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 692. Luas—371.4142 meter persegi.

Bertarikh 5 April 2010
[PTSPT/D/01/09/59]

MARHAINI BINTI ABU BAKAR
*b.p Pentadbir Tanah*
*Seberang Perai Tengah*
*Bukit Mertajam*
*Pulau Pinang*

**No. 255.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ong Pei Hoon, yang beralamat di 39 Jalan Penanti 1, Taman Penanti, Kubang Semang, 14400 Bukit Mertajam, atau 11A Lorong Nirwana 15, Taman Nirwana, Alma, 14000 Bukit Mertajam atau 20 Taman Binjai, Taman Sri Rambai, 14000 Bukit Mertajam, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam pada 22 Jun 2010 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)*(c)* Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—14, Seberang Perai Tengah. No. Lot—5585. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2214. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 108/2006.

Bertarikh 30 Mac 2010
[0701AUC2010000002]

IBRAHIM BIN MOHD ALI
*Penolong Pentadbir Tanah*
*Pejabat Daerah dan Tanah*
*Seberang Perai Tengah*
*Bukit Mertajam*

**No. 256.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ng Booi Muah, yang beralamat di 1814, Mukim 10, Bukit Kecil, 14000 Bukit Mertajam, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam pada 6 Julai 2010 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)*(c)* Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—19, Seberang Perai Tengah. No. Lot—249. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 318. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0701SC2009000093.

Bertarikh 7 April 2010
[0701AUC2009000136]

IBRAHIM BIN MOHD ALI
*Penolong Pentadbir Tanah*
*Pejabat Daerah dan Tanah*
*Seberang Perai Tengah*
*Bukit Mertajam*

**No. 257.**

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Lee Geik Khim beralamat di 7076 Jalan Ong Yi How, Kawasan Industri Ringan Teras Jaya, Off Jalan Raja Uda, Pulau Pinang dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 0701B2005002169 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Southern Bank Berhad telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—12, Seberang Perai Tengah. No. Lot—1879. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 395. No. Daftar Pajakan/Gadaian (Jika ada)—0701SC2003004591.

Bertarikh 25 Februari 2010
[PTSPT/D/336/KOM Jilid 2(63)]

MARHAINI BINTI ABU BAKAR
*Pentadbir Tanah*
*Pejabat Daerah dan Tanah*
*Seberang Perai Tengah*
*Jalan Betek*
*Pulau Pinang*

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

**No. 258.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan yang tertentu seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam.

Projek Pembesaran dan Ubahsuai Jalan Susur Permatang Buluh ke Pajak Song (Lot Tambahan).

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu seperti dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan tersebut.

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Utara. Mukim—7.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | G.M. | | Meter Persegi | Meter Persegi |
| 1169 L/Baru 5888 | 2238 | Zulkifli bin Ab. Rahman sebagai Pemegang Kuasa (probate)/Executor 1, 1/1 bhg. | 6669.2187 | 56.00 |

Mukim—8.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | G.M. | | Meter Persegi | Meter Persegi |
| 2416 L/Baru 4765 | 939 | Awang bin Ahmad 400/11000 bhg., Che Nah bte. Mat 200/ 11000 bhg., Che Tom bti Awang Kechik 7/1000 bhg., Che Yah bti. Mat 200/11000 bhg., Eshah bti Hemeh 100/ 1000 bhg., Fatimah bti Chik 7/1000 bhg., Halimah bte Ahmad 200/1100 bhg., Hatiah bti Mat Isa 35/10000 bhg., Ishah bti Mat Isa 35/10000 bhg., Khalid bin Hashim 2/12 bhg., Mahamud bin Ahmad 400/ 11000 bhg., Man bin Mat Isa 70/1000 bhg., Mohd Suffian bin Abdullah 200/11000 bhg., Othman bin Ahmad 400/11000 bhg., Saadiah bti Salleh 25/ 1000 bhg., Zainab bti Chik 7/ 1000 bhg., Zarina bt. Abdullah 200/11000 bhg., Hashim bin Mat dan Che Mah bti Daud 4/12 bhg., sebagai Pemegang Amanah seumur hidup 0, Che Tom bti Awang Kechik 14/1000 bhg. sebagai Pemegang Amanah 1, memegang amanah bagi pihak Bidin bin Chik @ Awang Kechik.<br><br>No Pers: 0702b2001p12992 Jilid Folio 33 Kaveat Pendaftar atas Syer ke atas bahagian Che Tom bti Awang Kechik, ST200000000584 sebagai Pemegang Amanah 1, 14/1000 bhg. didaftarkan 21-01-1969 3 ptg. | 25746.0979 | 475.00 |
| 2415 L/Baru 4763 | 259 | Ahmad bin Yaakob 1/8 bhg., Muhamad bin Dahaman 1/4 bhg., Saleh bin Abdul Rahman 1/2 bhg. dan Siti Esah binti Yaakob 1/8 bhg. | 9178.2694 | 316.00 |
| 1413 L/Baru 4761 | 578 | Abdullah bin Abu Hashim 2/24 bhg., Abdulrahman bin Mat 1/2 bhg., Ismail bin Ibrahim 6/24 bhg., Mohd Saad b. Abu Hashim 2/24 bhg., Soleha bt. Abu Hashim 1/24 bhg., Habsah binti Yahya 1/24 bhg. sebagai Pemegang Amanah 1, memegang amanah bagi pihak Zauyah binti Abu Hashim | 12089.9644 | 130.00 |

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | G.M. | | Meter Persegi | Meter Persegi |
| | | No. Pers: 0702b2001p13089 Jilid 11 Folio 13 Kaveat Pendaftar atas syer ke atas bahagian Habsah binti Yahya sebagai Pemegang Amanah 1, didaftarkan pada 1 Mac 1982 jam 10:42:00 pg. | | |
| 2413 L/Baru 4774 | 2106 | Ahmad bin Omar 1/2 bhg. dan Supiah binti Khamis 1/2 bhg. | 1509.4773 | 49.00 |
| 2412 | 1572 | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1/1 bhg. | 10307.3422 | 1077.00 |
| 1394 L/Baru 4740 | 1201 | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1/1 bhg. | 2880.8513 | 181.00 |
| 240 L/Baru 4589 | 270 | Rohani binti Ahmad 3/4 bhg. dan Rohaya binti Ahmad 1/4 bhg. | 11609.4009 | 1228.00 |
| 235 L/Baru 4590 | 107 | Che Gayah binti Jaafar 1/1 bhg. | 15426.6151 | 1253.00 |
| 1383 L/Baru 4584 | 1197 | Abdul Hamid @ Haji Hamid bin Idris sebagai Pemegang Amanah seumur hidup 0, 1/1 bhg. | 5445.5425 | 82.00 |
| 1387 L/Baru 4739 | 1199 | Abd. Rahman bin Bede 7/64 bhg., Abdul Halim bin Bede 7/64 bhg., Azman bin Debe 7/64 bhg., Che Yah binti Mat 1/16 bhg., Che Yah binti Mat 1/2 bhg., Haliza binti Bede 7/128 bhg. dan Jamilah binti Bede 7/128 bhg. | 1654.1499 | 128.00 |
| 2750 L/Baru 4592 | 234 | Abu Bakar bin Ahmad 1/1 bhg. | 7952.0603 | 167.00 |
| 2748 L/Baru 4595 | 476 | Lebai Wahap bin Lebai Hassan sebagai Pemegang Amanah seumur hidup 0, 1/1 bhg. | 3468.1556 | 44.00 |
| 2734 L/Baru 4596 | 366 | Doyah binti Taib 3/6 bhg. dan Zakaria bin Hamid 1/2 bhg. | 4853.6907 | 40.00 |

Bertarikh 8 April 2010
[PTG/PT/SPU/583; PTSPU/B/796]

DATO' HAJI ARIFIN BIN AWANG
*Pengarah Negeri*

**No. 259.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan yang tertentu seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam.

Pembinaan Jalan Masuk ke Penempatan Semula dan Kawasan Pembinaan Rumah Transit di Kawasan Penempatan P1 bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda Bahagian Hilir.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu seperti dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan tersebut.

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Utara. Mukim—1.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | G.M. | | Meter Persegi | Meter Persegi |
| 706 | 764 | Pertubuhan Peladang Kawasan Penaga Seberang Perai Utara 1/1 bhg. | 4034.2036 | 1456 |

Bertarikh 8 April 2010
[PTG/PT/SPU/561 Jld. 3; PTSPU/B/775]

DATO' HAJI ARIFIN BIN AWANG
*Pengarah Negeri*

**No. 260.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan yang tertentu seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam.

Tapak Perkuburan Islam, Pulau Betong

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu seperti dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan tersebut.

JADUAL

Daerah—Barat Daya. Mukim—7.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | G.M. | | Meter Persegi | Meter Persegi |
| 429 | 36 | Arbayah binti Ibrahim 1/2 . bhg. dan Arbayah binti Ibrahim 1/2 bhg. | 3108.4867 (0.7681 ekar) | 3108.4867 (0.7681 ekar) |
| 430 | 178 | Jamiliah bt Che Din dan Rahmah bt Yahaya sebagai With a Right of Survivorship 1, 1/1 bhg. | 3004.7861 (0.7425 ekar) | 3004.7861 (0.7425 ekar) |

Bertarikh 8 April 2010
[PTG/PT/BD/263; PTBD/B/314]

DATO' HAJI ARIFIN BIN AWANG
*Pengarah Negeri*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA